

HUBUNGAN ANTARA FAKTOR DEMOGRAFI TERHADAP FOBIA PENGUCAPAN AWAM DALAM KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK: SUATU KAJIAN AWAL

Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore

Unit Aduan dan Pemeriksaan(UAP)
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI)
Sektor Pengurusan IPTS (SPIPTS)
Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
62100 Putrajaya

E-mel: effendi@mohe.gov.my

ABSTRAK

Salah satu daripada teras kokurikulum di universiti adalah pengucapan awam. Setelah hampir 30 tahun, institusi pengajian tinggi (IPT) dibenarkan mewujudkan semula sudut pidato khas bagi meningkatkan kemahiran pengucapan awam dalam kalangan mahasiswa. Malangnya status pengucapan awam berada di tangga paling bawah daripada segi jumlah program yang dianjurkan oleh universiti dan penyertaan penuntut. Kajian lepas membuktikan bahawa pengucapan awam merupakan ketakutan pertama dan fobia bagi manusia. Maka, kajian awal ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap fobia pengucapan awam pelajar secara keseluruhan dan mengenal pasti tahap fobia pengucapan awam pelajar di politeknik daripada aspek gender dan latar kelahiran. Kajian turut mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan tahap fobia pengucapan awam pelajar daripada aspek gender dan latar kelahiran. Selain itu, kajian menyentuh hubungan antara pelajar daripada aspek sendiri dan pencapaian akademik dengan tahap fobia pengucapan awam pelajar. Seramai 40 orang pelajar bagi subjek Seminar (J5822) di Politeknik Kota Kinabalu telah dipilih secara persampelan rawak mudah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap fobia pengucapan awam pelajar yang mengikuti kelas Seminar (J5822) adalah amat tinggi. Tahap fobia pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Manakala pelajar yang lahir di luar bandar memiliki tahap fobia pengucapan awam yang lebih tinggi berbanding pelajar yang lahir di bandar. Kajian telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap fobia pengucapan awam pelajar lelaki dan perempuan serta pelajar kelahiran bandar dan luar bandar. Dapatan kajian juga menunjukkan kekuatan korelasi yang kuat bagi elemen pencapaian akademik ($r=.806$, $p=.000$) terhadap tahap fobia pengucapan awam pelajar. Hanya elemen sendiri sahaja memiliki kekuatan korelasi yang sangat lemah. Sehubungan dengan beberapa keputusan – keputusan kajian yang diperolehi, maka implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

Kata Kunci: fobia, pengucapan awam, gender, latar kelahiran, pencapaian akademik, sendiri.

1.0 PENGENALAN

Pengucapan Awam adalah seni menggunakan bahasa yang baik dan ia merangkumi semua aspek ucapan seperti perdebatan, perbahasan, syarahan, ceramah, ucapan awam, ucapan harian dan pelbagai bentuk komunikasi yang lain. Pengucapan awam perlu berada pada tahap yang lebih baik daripada tahap ucapan yang biasa.

Menurut kajian di Amerika Syarikat, ramai orang lebih relamati daripada menyampaikan pengucapan di khalayak. Kajian ini dibukukan dalam *The Book of Lists* susunan David Wallenhinsky, Irving Wallace dan Amy Wallace. Walaupun kajian ini dibuat lebih dari 10 tahun lalu, namun ia serba sedikit memberi gambaran persepsi masyarakat mengenai pengucapan awam (Eddie Rosyadie, 2007).

Menurut tesis ijazah kedoktoran bertajuk '*Reducing Public Speaking Anxiety For Community College Students: The Effects Of A Combination Anxiety Reduction Technique On Trait And State Anxiety*' oleh Brenda Lewis-Holmes pada 1997 menyatakan bahawa kebimbangan dan ketakutan untuk berkomunikasi secara lisan telah dikesan pada orang ramai dan lapisan umur. Menurut tinjauan yang dilakukan oleh R. H. Bruskin Associates (1973) dalam Holmes (1997), pengucapan awam telah berada pada tangga pertama faktor ketakutan manusia. Motley (1988) dalam Holmes (1997) mengesahkan sekali lagi bahawa daripada pemerhatiannya, pengucapan awam merupakan ketakutan pertama bagi manusia. Pengucapan awam juga merupakan salah satu ketakutan utama bagi rakyat Jepun (Pribyl C.B *et.al*, 2001).

Fobia bukanlah kategori besar dalam penyakit mental tetapi ia menarik dan mendapat perhatian. Fobia merupakan perasaan yang amat takut terhadap sesuatu benda atau situasi. Orang yang menghadapi masalah tersebut sedar bahawa ketakutan yang dialaminya adalah keterlaluan berbanding dengan orang lain. Ketakutan melampau atau fobia yang dialami oleh seseorang tidak sama dengan orang lain. Kadang kala fobia yang dialami oleh seseorang itu nampak remeh sehingga tidak difahami oleh orang lain mengapa orang itu terlalu takutkan sesuatu objek atau situasi itu (Utusan Malaysia, 2010).

Richmond dan McCroskey (1995) dalam Supyan Hussin *et.al* (2006), mendapati daripada ribuan responden yang terdiri daripada para pelajar universiti yang mengambil bahagian dalam satu kaji selidik,

bahawa 70 peratus daripadanya menyatakan takut untuk berucap di khalayak. Adakah fobia dan ketakutan melampau terhadap pengucapan awam ini masih membelenggu rakyat Malaysia amnya dan pelajar khususnya.

1.1 Penyataan Masalah

Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dibenarkan mewujudkan semula sudut pidato khas bagi meningkatkan kemahiran pengucapan awam di kalangan mahasiswa. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, langkah itu bagi melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berkebolehan berhujah serta meningkatkan bakat pengucapan awam. Kemahiran berucap perlu dikuasai oleh mahasiswa dan tidak terhad kepada kumpulan pelajar tertentu sahaja seperti pemedato universiti (Utusan Malaysia, 31 Disember 2009). Selaras dengan misi nasional bagi mencapai matlamat pembangunan berasaskan ilmu pengetahuan dan inovasi, Sudut Pidato memberi lebih kebebasan bersuara kepada mahasiswa.

Sudut pidato atau '*Speakers Corner*' mula dilaksanakan di beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) bertujuan memberi kebebasan kepada mahasiswa bersuara. Namun, ia masih sepi dan bagaikan tidak mendapat sambutan mahasiswa (Harian Metro, 2010). Malah, universiti terkemuka dunia seperti Universiti Oxford, Universiti Cambridge dan Universiti Harvard turut menganjurkan Sudut Pidato dan menjadi acara utama kalendar universiti mereka (Utusan Malaysia, 2010). Nafas baru kepada sudut pidato ini adalah salah satu usaha ke arah memperkasakan kokurikulum IPT negara ini dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama (Haspaizi Mohd Zain, 2009).

"Kita menitikberatkan soal meningkatkan mutu pengucapan awam dan sifat tanggungjawab mahasiswa untuk berhujah dengan isu-isu setempat mahupun antarabangsa. Penganjuran Sudut Pidato ini diharap dapat membudayakan golongan mahasiswa cemerlang bukan sahaja dari segi akademik tetapi turut melihat soal kematangan mahasiswa dalam mengutarakan sesuatu isu."

(Petikan Ucapan oleh YAB Dato Seri Mohamed Khaled Nordin semasa merasmikan Sudut Pidato, Teres Eko Niaga dan Pelancaran Sistem Penilaian Kompetensi Generik di Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 Januari 2010)

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah mengharapkan bahawa Malaysia dapat meningkatkan kualiti lapan teras kokurikulum di universiti. Teras kokurikulum di universiti ada

lapan, satu daripadanya adalah pengucapan awam. Malangnya status pengucapan awam pada hari ini berada di tangga paling bawah dari segi jumlah program yang dianjurkan oleh universiti dan penyertaan penuntut.

Pada beberapa kajian terbaru yang dijalankan, Richmond & McCroskey (1995) dalam Brenda Lewis (1997) menyatakan bahawa lebih daripada 60 ribu orang yang dikaji tentang kebimbangan untuk berucap telah menunjukkan seramai 20 peratus daripada populasi mempunyai kebimbangan yang tinggi untuk berucap di khalayak. Menurut Johnson (2001) dalam Abdul Rashid *et.al* (2005) menyatakan, kebimbangan biasa lahir dari situasi baru, latar yang kurang biasa, ketika berada dalam kalangan orang yang tidak dikenali, dan ketika kali pertama bertemu dengan seseorang, terutama jika seseorang merasakan dirinya mendapat perhatian.

Selain itu, perasaan malu wujud ketika seseorang dinilai seperti ketika sedang bercakap di khalayak, berpidato, ditemu ramah, ditemu duga, ketika mengambil peperiksaan lisan, dan berinteraksi dengan orang-orang yang dihormati, berwibawa dan pakar-pakar (Crozier & Garbert-Jones, 1996 dalam Holmes, 1997).

Terdapat pelbagai punca mengapa individu mengalami kebimbangan komunikasi. Kebimbangan komunikasi tret dikaitkan dengan interaksi antara faktor keturunan dan faktor persekitaran. Manakala kebimbangan komunikasi situasi dikaitkan dengan pelbagai punca seperti kebaruan, keformalan, status subordinat, ketidakbiasaan, darjah diperhatikan oleh orang lain, ketonjolan, ketidakserupaan, darjah penilaian dan kejayaan serta kegagalan pada masa lalu (Nik Hasna Nik Mahmood, 2006).

Oleh kerana kebanyakan pelajar menerusi kajian sebelum ini mempunyai kebimbangan yang tinggi untuk berucap di khalayak. Maka kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap fobia pengucapan awam terutama dalam kalangan pelajar di negeri Sabah. Selain itu, kajian turut mengkaji tahap fobia pengucapan awam pelajar.

1.2 Definisi Istilah

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005), fobia boleh didefinisikan sebagai ketakutan yang amat sangat akan sesuatu. Pengucapan pula bermaksud perihal mengucap (mengucapkan), kelahiran.

Pengucapan awam bagi pandangan Eddie Rosyadie (2007) dalam buku penulisan bertajuk *Juara Pentas! : Panduan Praktikal Pengucapan Awam* ditakrifkan sebagai seni berkomunikasi atau seni menyampaikan maklumat dengan bahasa dan gaya yang menarik.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan mengkaji perhubungan antara ketakutan seseorang terhadap aktiviti pengucapan awam dalam kalangan pelajar.

1.3 Objektif Kajian

- a) Mengenal pasti tahap fobia pengucapan awam pelajar secara keseluruhan.
- b) Mengenal pasti tahap fobia pengucapan awam pelajar daripada aspek gender, latar kelahiran dan pencapaian akademik.
- c) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap fobia pengucapan awam pelajar daripada aspek gender dan latar kelahiran.
- d) Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara pelajar sendiri dan pencapaian akademik dengan tahap fobia pengucapan awam pelajar.


1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini juga boleh dijadikan asas pada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memberi penekanan pengucapan awam dalam kalangan pelajar dan memberi perangsang kepada mereka untuk menyertai sudut pidato di IPT kelak. Tujuan utama pengucapan awam ialah untuk menyampaikan mesej. Namun, pengucapan yang bersifat dinamik dan berkesan penting agar menimbulkan keinsafan dan keberkesanan dalam diri pendengar supaya apa yang diperkatakan boleh dipraktikkan kelak (Mohd Sofian Omar Fauzee *et.al*, 2007).

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Sampel dan Populasi

Sampel bagi kajian ini adalah pelajar yang mengikuti subjek Seminar – J5822 di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah seramai 40 orang. Rasional mengapa pelajar ini dipilih adalah kerana mereka merupakan pelajar kuliah Seminar (J5822) yang memerlukan pelajar membuat pengucapan awam. Persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan rawak mudah.



Rajah 1: Aliran hubungan Antara Pembolehubah Kajian

Rajah 1 menunjukkan variabel bersandar bagi kajian ini adalah tahap fobia pengucapan awam pelajar dan variabel bebas adalah gender, latar belakang, sendiri dan pencapaian akademik. Gender merupakan jantina (lelaki atau perempuan), latar belakang meliputi tempat kelahiran sama ada di bandar atau luar bandar. Kendiri pelajar ditentukan melalui ujian TSCS dan hanya mengambil skor konsep sendiri keseluruhan. Bagi pencapaian akademik, nilai himpunan purata nilai mata (HPNM) pelajar diambil kira.

2.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan alat ukuran yang diadaptasi daripada instrumen Personal Report of Public Speaking Anxiety (PRPSA) oleh McCroskey, J.C. pada 1970. Soal selidik ini mengandungi 34 soalan yang menguji respon responden tentang fobia mereka dalam pengucapan awam. Soal selidik ini memiliki kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.73. Kesahannya juga tinggi iaitu melebihi nilai 0.8. Menurut McCroskey (1970) dalam Supyan Hussin *et.al* (2006), semakan kebolehpercayaan PRPSA ialah pada tahap tinggi iaitu 0.9.

Bagi konsep sendiri pula, Tennessee Self Concept Scale (TSCS) oleh Fitts telah digunakan dan diambil dari Tesis Sarjana Muda oleh Effa Rina (1999) berkaitan konsep sendiri. TSCS mengandungi 100 soalan yang telah dibentuk oleh Fitts pada tahun 1965 terjemahan Sidek Mohd Noah (1995). Penggunaan alat ujian ini amat popular di Barat mahupun bagi tujuan kajian tempatan bagi mengukur konsep sendiri. Morran dan Stocktan (1980) dalam Kamaliah (1993), mendapati nilai kebolehpercayaan ialah 0.92. Ini merupakan suatu nilai yang tinggi.

2.3 Normaliti Data

Berdasarkan ujian Kolmogorov-Smirnov(a) dan Shapiro-Wilk, didapati nilai aras signifikan ($p > 0.05$) iaitu 0.000 menunjukkan nilai adalah signifikan. Ini membuktikan data kajian bertaburan tidak normal. Maka ujian yang sesuai bagi analisis statistikal inferensi adalah ujian tidak berparameter iaitu Ujian Mann Whitney U dan Ujian Korelasi Spearman's Rho.

2.4 Analisis Data

Kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis data yang dikumpulkan bagi kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Kaedah statistik penganalisan data bagi setiap objektif kajian

Objektif	Jenis Analisis	Alat Ujian
1	Mengenalpasti tahap fobia pengucapan awam pelajar secara keseluruhan.	Analisis Deskriptif
2	Mengenalpasti tahap fobia pengucapan awam pelajar daripada aspek gender dan latar kelahiran.	Min Purata, Sisihan Piawai
3	Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tahap fobia pengucapan awam pelajar daripada aspek gender dan latar kelahiran.	Ujian Mann Whitney U
4	Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara sendiri dan pencapaian akademik dengan tahap fobia pengucapan awam pelajar.	Ujian Korelasi Spearman's Rho

3.0 KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1 Objektif Kajian 1 : Mengenalpasti tahap fobia pengucapan awam pelajar secara keseluruhan.

Jadual 2: Analisis Statistik Deskriptif bagi tahap fobia pengucapan awam pelajar secara keseluruhan

Tahap Fobia	Frekuensi	Peratus
Tahap Fobia Tinggi	29	72.5 %
Tahap Fobia Sederhana	3	7.5 %
Tahap Fobia Rendah	8	20.0 %
Jumlah	40	100.0 %

Secara keseluruhannya, pelajar bagi modul Seminar (J5822) majoritinya mempunyai tahap fobia yang tinggi dalam pengucapan awam iaitu sebanyak 72.5 peratus (29 orang), diikuti tahap fobia rendah sebanyak 20 peratus (8 orang) dan tahap fobia sederhana iaitu 7.5 peratus (3 orang). Ini menunjukkan bahawa tahap fobia pengucapan awam yang tinggi mendominasi pelajar yang mengikuti kelas Seminar (J5822).

3.2 Objektif Kajian 2: Mengenal pasti tahap fobia pengucapan awam pelajar daripada aspek gender, latar belakang dan pencapaian akademik.

Jadual 3: Analisis Statistik Deskriptif bagi tahap fobia pengucapan awam pelajar mengikut gender

Gender	Frekuensi	Peratus	Purata	SP
Bandar	12	30.0 %	2.7868	0.6292
Luar Bandar	28	70.0 %	4.9328	0.0835
Jumlah	40	100.0 %	4.2890	1.0528

Jadual 4: Analisis Statistik Deskriptif bagi tahap fobia pengucapan awam pelajar mengikut latar kelahiran

Gender	Frekuensi	Peratus	Purata	SP
Bandar	12	30.0 %	2.7868	0.6292
Luar Bandar	28	70.0 %	4.9328	0.0835
Jumlah	40	100.0 %	4.2890	1.0528

Dapatan di Jadual (3) menunjukkan bahawa pelajar perempuan memiliki tahap fobia pengucapan awam yang sangat tinggi iaitu 4.9814 berbanding lelaki iaitu 3.6625. Dapatan di Jadual (4) pula menunjukkan bahawa pelajar yang berasal dari luar bandar memiliki tahap fobia pengucapan awam yang sangat tinggi iaitu 4.9328 berbanding pelajar yang berasal dari bandar iaitu 2.7868.

Secara keseluruhannya, tahap fobia pelajar perempuan lebih tinggi dan dominan berbanding lelaki. Manakala pelajar yang lahir di luar bandar memiliki tahap fobia pengucapan awam yang lebih tinggi berbanding pelajar yang lahir di bandar.

3.3 Objektif Kajian 3: Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan daripada aspek gender dan latar kelahiran dengan tahap fobia pengucapan awam pelajar.

Jadual 5: Keputusan Analisis Gender menggunakan Ujian Mann Whitney U

Gender	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Lelaki	21	11.00	231.00
Perempuan	19	31.00	589.00
Total	40		

Dari output Rank, dapat kita lihat bahawa nilai purata tahap fobia untuk pelajar perempuan lebih besar daripada nilai purata pelajar lelaki ($31.00 > 11.00$).

Test Statistics(b)

Mann-Whitney U	.000
Wilcoxon W	231.000
Z	-5.483
Asymp. Sig. (2-tailed)	.000
Exact Sig. [2*(1-tailed Sig.)]	.000(a)

a Not corrected for ties.

b Grouping Variable: gender

Dari Nilai Ujian Mann-Whitney U, dapat dilihat pada output (Test Statistic^b) di mana nilai sig.2-tailed adalah $0.000 < 0.05$. Hasil ujian adalah signifikan secara statistik, dengan demikian terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap fobia pengucapan awam pelajar lelaki dan perempuan.

Jadual 6: Keputusan Analisis Latar Kelahiran menggunakan Ujian Mann Whitney U

Latar Kelahiran	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Bandar	12	6.50	78.00
Luar Bandar	28	26.50	742.00
Total	40		

Dari output Rank, dapat kita lihat bahawa nilai purata tahap fobia untuk pelajar kelahiran luar bandar lebih besar daripada nilai purata pelajar kelahiran bandar ($26.50 > 6.50$).

Mann-Whitney U	.000
Wilcoxon W	78.000
Z	-5.031
Asymp. Sig. (2-tailed)	.000
Exact Sig. [2*(1-tailed Sig.)]	.000(a)

- a. Not corrected for ties.
- b. Grouping Variable: latar

Dari Nilai Ujian Mann-Whitney U, dapat dilihat pada output (Test Statistic^b) di mana nilai sig.2-tailed adalah $0.000 < 0.05$. Hasil ujian adalah signifikan secara statistik, dengan demikian terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara tahap fobia pengucapan awam pelajar kelahiran bandar dan luar bandar.

3.4 Objektif Kajian 4: Menentukan sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara tahap fobia pengucapan awam pelajar dengan aspek sendiri dan pencapaian akademik.

Jadual 7: Ujian Korelasi Spearman’s Rho digunakan untuk menentukan sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara tahap fobia pengucapan awam pelajar dengan aspek sendiri dan pencapaian akademik.

Faktor Demografi	Korelasi Spearman (r)	Sig. (2 tailed)
Kendiri	- 0.159 **	.327
Pencapaian Akademik	0.806 **	.000

** perhubungan yang signifikan pada aras keertian $\alpha = 0.01$

Dapatan di atas menunjukkan kekuatan korelasi yang kuat bagi elemen pencapaian akademik ($r=.806, p=.000$) terhadap tahap fobia pengucapan awam pelajar politeknik. Hanya elemen sendiri sahaja yang memiliki kekuatan korelasi yang lemah iaitu ($r= -.159, p=.327$).

4.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap fobia pengucapan awam pelajar yang mengikuti kelas Seminar (J5822) adalah amat tinggi. Tahap fobia pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Manakala pelajar yang lahir di luar bandar memiliki tahap fobia pengucapan awam yang lebih tinggi berbanding pelajar yang lahir di bandar. Kajian menunjukkan terdapat perbezaan

yang signifikan secara statistik di antara tahap fobia pengucapan awam pelajar lelaki dan perempuan serta tahap fobia pengucapan awam pelajar kelahiran bandar dan luar bandar.

Dapatan kajian juga menunjukkan kekuatan korelasi yang kuat bagi elemen pencapaian akademik ($r=.806$, $p=.000$) terhadap tahap fobia pengucapan awam pelajar. Hanya elemen sendiri sahaja yang memiliki kekuatan korelasi lemah iaitu ($r=-.159$, $p=.327$) tetapi perhubungannya negatif iaitu perhubungan songsang antara variabel bebas dan variabel bersandar. Dalam perhubungan negatif ini, semakin tinggi nilai variabel bebas, semakin rendah nilai variabel bersandar. Ini bermakna, semakin tinggi nilai sendiri pelajar, semakin rendah tahap fobia pengucapan awamnya.

5.0 CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, beberapa cadangan telah dikemukakan. Cadangan berikut adalah berdasarkan dapatan dan isu yang bersesuaian untuk direnung bersama. Antara cadangan yang boleh dikemukakan kepada pihak Politeknik Kota Kinabalu adalah:

Dapatan 1: Tahap fobia pengucapan awam pelajar adalah amat tinggi.

Meningkatkan aktiviti pengucapan awam di dalam kelas bukan sahaja untuk subjek Seminar (J5822) tetapi juga bagi subjek lain yang relevan seperti Pendidikan Islam, Bahasa Inggeris dan subjek teknikal lain. Dengan cara ini, tahap fobia dan ketakutan pelajar terhadap pengucapan awam akan dapat dikurangkan.

Dapatan 2: Tahap fobia pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki.

Pelajar perempuan mesti diberi pendedahan yang lebih melalui program yang dikhususkan untuk kaum perempuan sahaja. Misalnya melalui pengucapan awam secara berkelompok melalui gender.

Dapatan 3: Pelajar yang lahir di luar bandar memiliki tahap fobia pengucapan awam yang lebih tinggi berbanding pelajar yang lahir di bandar.

Pelajar luar bandar kebanyakannya kurang pendedahan berbanding pelajar dari bandar. Oleh itu, pelajar ini boleh diberikan banyak bahan bacaan dan peluang sesama mereka untuk perbincangan dan

sumbangsaran sebelum diberi peluang ke peringkat pengucapan awam. Ini penting bagi memupuk keyakinan mereka agar tidak berasa rendah diri dengan pelajar dari bandar.

Dapatan 4: Hubungan yang kuat bagi elemen pencapaian akademik terhadap tahap fobia pengucapan awam pelajar.

Meskipun dapatan kajian menunjukkan pencapaian akademik yang tinggi menyumbang kepada tahap fobia pengucapan awam yang tinggi. Namun sebenarnya proses pembelajaran yang berteraskan peperiksaan sahaja tanpa pemantapan *softskill* menyumbang kepada dapatan tersebut. Oleh itu, di samping berfokus kepada pencapaian akademik, pelajar juga semestinya diberi peluang untuk penerapan kemahiran insaniah (*softskills*) dan membuka ruang kepada pelajar mengemukakan soalan dan pendapat dalam kuliah.

Dapatan 5: Hubungan yang lemah dan bagi elemen sendiri tetapi telah wujud perhubungan yang negatif.

Dalam perhubungan negatif ini, semakin tinggi nilai sendiri pelajar, semakin rendah tahap fobia pengucapan awamnya. Dapatan ini sesungguhnya benar dan adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Kaunseling untuk menjalankan program membantu pelajar mengenali potensi diri mereka.

6.0 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Cadangan kajian lanjutan yang boleh dikemukakan kepada pengkaji lain adalah:

- (a) Menjalankan kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi fobia pengucapan awam dalam kalangan pelajar.
- (b) Menjalankan kajian tentang keberkesanan program latihan khas kepada pelajar bagi meningkatkan keupayaan berucap dalam khalayak ramai.
- (c) Membina satu modul untuk menangani fobia pengucapan awam.

7.0 RUJUKAN

Abdul Rashid Mohamed dan Mohamad Daud Hamzah. (2005). Kajian Korelasi Emosi Malu Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Mahasiswa Melayu. Jld. 20, 153 - 167. Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Eddie Rosyadie. (2007). *Juara Pentas! : Panduan Praktikal Pengucapan Awam*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama.
- Effa Rina Mohd Matore. (1999). "Perbandingan Konsep Kendiri Pelatih – Pelatih Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Pelatih – Pelatih Pusat Serenti." Tesis Sarjana Muda: Universiti Putra Malaysia.
- Fobia Objek dan Situasi. (2010, 16 Februari). *Utusan Malaysia*.
- Haspaizi Mohd Zain. (2009, 19 Januari). *Sudut Pidato galak percambahan minda*. *Berita Harian*.
- Holmes B. L. (1997). *Reducing Public Speaking Anxiety For Community College Students: The Effects Of A Combination Anxiety Reduction Technique On Trait And State Anxiety*. Virginia Polytechnic Institute and State University. Falls Church, Virginia.
- Kamaliah Abu. (1993). "Konsep Kendiri dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi." Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan. (2005). *Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities, Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- McCroskey, J.C. (1970). *Measures of communication-bound anxiety*. *Speech Monographs*, 37, 269 – 277.
- Mohd Sofian Omar Fauzee, Mariani Md Noor & Rosli Jamil Ahmad Zainuddin. (2007). *Psikologi Pengucapan Awam Yang Dinamik dan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nik Hasnaa Bt Nik Mahmood. (2006). *Kebimbangan Komunikasi di Kalangan Pelajar UTM: Satu Realiti atau Mitos?* Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi 2007 – 2010. (2007). Kuala Lumpur: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Petikan Ucapan oleh YAB Dato Seri Mohamed Khaled Nordin semasa Merasmikan Sudut Pidato, Teres Eko Niaga dan Pelancaran Sistem Penilaian Kompetensi Generik di Universiti Kebangsaan Malaysia. (2010, 15 Januari). *Utusan Malaysia*.

Pribyl C.B, Keaten J. & Masahiro Sakamoto. (2001). The Effectiveness Of A Skills-Based Program In Reducing Public Speaking Anxiety. Volume 43, No. 3, 148–155. Japanese Psychological Research Short Report. Japan.

Saiful Sahak. (2009, 31 Disember). Sudut Pidato diwujudkan semula. Utusan Malaysia.

Sudut Pidato masih belum panas. (2010, 25 Januari). Sudut Bestari: Harian Metro.

Sudut Pidato diwujudkan semula. (2010, 15 Januari). Utusan Malaysia.

Supyan Hussin & Azhar Jaludin (2006) Kecemerlangan Dalam Pengucapan Awam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.